

Half Marathon usaha perkenalkan Nilai 3

Oleh Noh Ahmad

NILAI 3 Half Marathon pada 27 Februari depan menawarkan hadiah lumayan keseluruhan bernilai RM150,000 dan pelbagai barangan, termasuk lot perniagaan.

Jumlah itu harus melaburkan Nilai 3 Half Marathon sebagai antara larian jarak 21 km yang menawarkan hadiah tertinggi di negara ini dalam usaha penganjur menjadikan kejohanan tahunan itu antara yang berprestij.

Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Warisan, Penerangan dan Pelancongan negeri, Datuk Zakaria Nordin, berkata hadiah yang tunai keseluruhan yang ditawarkan ialah RM32,150.

Katanya, peserta yang menyertai larian itu juga berpeluang memenangi satu lot Pasar Rakyat Nilai 3 bernilai RM75,000.

"Hadiah berkenaan sumbangan daripada Pemaju Perumahan Sungei Ramal (NS) Sdn Bhd.

"Peserta turut berpelu-

ang memenangi sebuah kereta Perodua Kancil, juga menerusi cabutan bertuah bersama dengan pembeli yang mengunjungi Nilai 3 Wholesale Centre," katanya.

Dalam majlis itu juga Zakaria turut menerima sumbangan dan tajaan daripada pelbagai pihak.

Nilai 3 Half Marathon adalah anjuran bersama Nilai 3 Wholesale Centre, Majlis Perbandaran Nilai (MPN), Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Sembilan (MTPNS), Persatuan Olahraga Amatir Negeri Sembilan (POANS) dan Hash House Harriers Chapters.

Kejohanan itu dipertandingkan dalam tujuh kategori iaitu lelaki senior berumur dari 17 hingga 19 tahun, lelaki veteran (40 tahun ke atas), wanita terbuka (19 tahun ke atas), lelaki senior veteran (50 tahun ke atas), wanita senior veteran (45 tahun ke atas) dan pelajar sekolah lelaki dan perempuan (13



SUMBANGAN... ZAKARIA (kiri) menerima penajaan dari Wong Ah San pada sidang akhbar di Pejabat Pasar Borong Nilai 3, Negeri Sembilan, semalam.
- Gambar OWEE AH CHUN

tahun hingga 19 tahun).

Zakaria berkata, setiap peserta dikenakan yuran penyertaan RM10 kecuali pelajar sekolah RM5.

"Sekolah yang menghantar paling ramai peserta akan diberikan wang tunai RM2,000, kedua (RM1,000) dan ketiga (RM800), manakala kilang yang banyak menghantar

penyertaan menerima RM1,000.

"Sehubungan itu, dengan hadiah yang menarik ditawarkan, kita menjangkakan seramai 10,000 peserta akan mengambil bahagian dalam kejohanan kali ini," katanya.

Katanya, orang ramai yang berminat boleh mendapatkan maklumat

dengan menghubungi Danny Chan di talian 012-3711010, Yap (06-7993838) dan Koong Lin Ngen (013-6204889).

"Mereka juga boleh melayari laman web www.nilai3halfmarathon.com. Penyertaan terbuka kepada semua rakyat Malaysia dan peserta luar negara," katanya.